

 KDN,
 2645
 M.
 C.
 (P)
 2577

 Jamādi al-Awwal 1387
 - September 1967

 Bilangan 206
 60
 sen.

## Sepuluh Tahun Merdeka

Berbetulan pada 31 Ogos 1967

Malaysia yang tegak berdiri sama
tinggi, duduk sama rendah dengan
negara-negara yang lain di dalam dunia
internasional. Di dalam masa
sepuluh tahun itu tentunya banyak
peristiwa-peristiwa yang dilalui –
manis dan pahitnya – semuanya
menjadi adat hidup makhluk

Allah di dalam dunia ini.

genaplah sepuluh tahun kemerdekaan

Segala peristiwa-peristiwa yang dilalui itu, bagi orang-orang yang bijaksana tentunya kalau mendapati kebaikan tentu meneladani dan kalau mendapati keburukan tentulah dijadikan sempadan-sempadan supaya tidak berulang lagi menghadapi keburukan.

Negara Malaysia adalah diakui, sungguhpun kecil tetapi terpandang sebagai negara yang kaya dan mewah di timur ini. Di dalam kita mengecap kemewahan itu wajiblah umatnya bersyukur kepada Allah dengan sepenuh-penuh kesyukuran dan dengan kerana itu maka sebagai tanda kesyukuran kepada Tuhan, dengan sifat sebuah negara yang agama rasminya agama Islam, maka pekerjaan *amar* 

ma'rūf, nahī munkar mestilah dilaksanakan dengan luas dan wajar.

Ini tidak dapat berjalan dengan sempurna kalau tidak pemimpin-pemimpin sendiri berusaha dan bekerja menunjukkan bukti kepada rakyat bahawa usaha mereka adalah untuk rakyat apalagi keselamatan dan perihal mereka di belakang hari telah terjamin dengan tanggungan rakyat.

Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri telah pun kerap kali menyatakan bagaimana beratnya tanggungan-tanggungan kerajaan atas biayai kakitangannya – bukan itu sahaja tetapi juga di dalam biayai yang lain-lain di dalam bahagian-bahagian yang lain. Maka untuk ini sepatutnya, dalam masa menyambut sepuluh tahun merdeka, mustahak dikaji tentang hal ekonomi, tentang perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak mustahak, walau yang kecil sekalipun. Perkara-perkara yang mungkin tidak mustahak perlu segera dipotong dan dikurangkan seperti umpamanya menjadikan orang-orang yang tidak mustahak dijadikan tamu negara dan seumpamanya.

Dasar "mengecilkan belanja dan membesarkan pengeluaran serta hasil" mustahak dijalankan untuk keselamatan negara dan untuk menjauhkan negara daripada banyak berhutang ke luar negeri. Di dalam perusahaan-perusahaan juga perkara yang demikian ini wajib dikaji kerana tidak ada ertinya sesuatu pengeluaran boleh bertanding dengan pengeluaran dari luar kalau belanja pengeluarannya tinggi – dan kalau

hanya berharap pasaran dari dalam sahaja sudah tentu bermakna membebankan rakyat membeli barang-barang sendiri yang lebih mahal daripada barang dari luar.

## Mengugurkan Anak

Ada ura-ura kerajaan Singapura menghalalkan menggugurkan anak dengan syarat-syarat yang tertentu. Apa syarat-syarat itu masih dirahsiakan lagi dan menurut perisytiharan tatkala menulis ini bahawa peraturan yang serupa ini berjalan di Jepun dan juga sedang diura-urakan di India.

Kita tidak dapat meneka apa
tujuan kerajaan Singapura
di dalam soal ini. Adakah yang
demikian ini dijalankan selari
dengan tujuan mengadakan sekatan
beranak – tidak kita ketahui!
Tetapi kita, sebagai umat Islam
yang memandang keadaan permasyarakatan
di Singapura hari ini memandang
bahawa langkah yang demikian ini mungkin
akan menimbul dan membanyakkan
"pelacuran terhormat".

Di dalam masyarakat kita sekarang anak-anak gadis sangat susah hendak dikawal. Di dalam perkembangan perubatan "pil menjarakkan beranak" yang dijual dengan bebasnya sebagaimana pernah kita tulis maka orang-orang yang mungkin terlibat dengan kemahuan hawa nafsunya lalu "berbuah" maka buahnya itu tentu boleh pula dibuangnya dan dihalalkan oleh kerajaan.

Dengan cara ini, maka perzinaan yang sangat-sangat ditegah untuk orang-orang Islam sangat sulit dikawal dan